



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

Bahagian Penguatkuasa,  
No. 13, Aras 2 & 3,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Tel: 603-8882 5500  
Faks: 603-8882 6171  
Laman Web: www.kpdnkk.gov.my

Ruj. Kami : KPDN/PGK(SK)/1/1/2(28)  
Tarikh : 21 November 2018

Pengurus,  
Syarikat Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM)

Pelesen Pembuat, Pembaik dan Penjual,  
Alat Timbang dan Sukat.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan

**"PEMATUHAN PERINTAH BENTUK ATAU PENENTUAN BAGI TIMBANG ATAU SUKAT ATAU ALAT TIMBANG ATAU SUKAT 1981 UNTUK TUJUAN PERDAGANGAN"**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Penguatkuasa mewajibkan mana-mana pelesen timbang dan sukat yang dilesenkan di bawah Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981 mematuhi Seksyen 18(1)(d), Akta Timbang dan Sukat 1972.
3. Sehubungan itu, mana-mana pemegang Lesen Alat Timbang dan Sukat perlu mendapatkan kelulusan rekabentuk (*Pattern Approval*) daripada **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK)** sebelum mana-mana alat timbang dan sukat boleh dijual untuk tujuan perdagangan.
4. Sejarar dengan itu, penentusahan oleh syarikat MCM akan diselaraskan untuk memastikan pematuhan peruntukan di bawah seksyen 14(5), Akta Timbang dan Sukat 1972. Pemegang lesen perlu memperolehi kelulusan perintah bentuk daripada MSPK bagi mana-mana alat timbang dan sukat sebelum memohon perkhidmatan penentusahan dari syarikat MCM.
5. Penguatkuasaan pematuhan seksyen 14(5), Akta Timbang dan Sukat 1972 ini akan berkuatkuasa pada **1 JANUARI 2020** untuk membolehkan pemegang lesen timbang dan sukat untuk mendapatkan **Pattern Approval** daripada MSPK.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008




6. Pemegang lesen timbang dan sukat dipohon untuk memastikan alat timbang dan sukat yang dipasarkan mempunyai kelulusan rekabentuk daripada MSPK untuk memastikan pematuhan peruntukan undang-undang sediaada dan kerjasama didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut amanah,

  
**(DATO' MOHD. ROSLAN BIN MAHAYUDIN)**

Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna,  
Putrajaya.

sk:

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pengarah,  
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa,  
Cawangan Operasi Khas,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Penguatkuasa Negeri,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ketua Cawangan,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.